

09/09/1998

Jawatan Anwar di UIA belum diputuskan

SEREMBAN, Selasa - Kedudukan bekas Timbalan Perdana Menteri (TPM), Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UIA) akan diputuskan selepas kerajaan mengenal pasti prosedur yang perlu dipatuhi.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Razak, berkata berdasarkan kenyataan Jabatan Perdana Menteri Rabu lalu bahawa Anwar dilucutkan jawatannya sebagai TPM dan Menteri Kewangan serta semua jawatan lain berkaitan dengan kedua-dua jawatan itu, kerajaan akan mengambil tindakan berdasarkan prosedur tertentu kerana UIA ditubuhkan di bawah Pendaftar Syarikat dengan kerajaan sebagai pemilik saham.

Katanya, jawatan itu sekarang secara de facto (pada hakikatnya) tidak lagi berasaskan kenyataan yang dibuat oleh JPM itu.

"Cuma dari segi prosedur, nama dia masih ada melainkan kita mengambil tindakan melalui Undang-Undang Syarikat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Nadwah Kepemimpinan Islam Sekolah Berasrama Penuh (SBP), di SM Agama Persekutuan (SMAP) Labu, di sini, hari ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral; Mohd Alwi Yusoff, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, Sudin Kamari; Ketua Penolong Pengarah, Unit SBP, Abdul Adzis Abas dan Pengetua SMAP, Labu, Paiman Jemo.

UIA ditubuhkan pada 1983 oleh Kerajaan Malaysia di bawah Akta Syarikat tetapi menerima peruntukan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan dari negara Islam.

Ditanya bentuk tindakan berkenaan, beliau berkata itu termasuk menggantikan Anwar dengan orang lain.

"Pemilik saham perlu memberi notis mengganti ... kita akan berbincang dengan penasihat undang-undang berkenaan perkara itu dan saya juga perlu berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebab kalau nak ganti kita perlu tentukan pengganti," katanya.

(END)